

**Teks Ucapan Perasmian Mesyuarat Tahunan Majlis Ke-64  
oleh : Tan Sri Dato' Dr Asiah Abu Samah**

As'salamualaikum wrh w.b.t

Yang Berbahagia saudara Pengerusi Majlis, Yang Berbahagia Dato' Hj Jumaat Bin Mohd Noor Timbalan Pengerusi mungkin bakal Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia. Yang Dihormati Ahli Majlis Persatuan Sejarah Malaysia. Yang Berbahagia Setiausaha Agung Persatuan Sejarah Malaysia, Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Sejarah Malaysia. Ahli-Ahli Jawatankuasa PSM peringkat negeri. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Saya rasa amat bersyukur lagi sekali dapat bersama dalam suasana ini seperti yang disebutkan oleh Dato' Hj Jumaat sebentar tadi. Di perjumpaan tahunan Mesyuarat Agung persatuan sungguhpun kali ini terasa amat suatu kehilangan yang sangat menusuk kalbu dengan ketiadaan saudara kita yang dikasihi Allahyarham Tan Sri Hj. Omar Mohd Hashim Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli Majlis Persatuan Sejarah Malaysia selama 30 tahun yang lalu. Saya difahamkan sejak tahun 1989. Lagi sekali saya bagi pihak Ahli Majlis meminta kita semua untuk sedekahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham.

Sepanjang ingatan saya, terlalu banyak jasa Allahyarham kepada Persatuan Sejarah Malaysia dan juga kepada negara amnya sehingga tidak mungkin dihuraikan kesemuanya dalam acara ringkas kita pada pagi ini. Saya berharap dan yakin PSM sendiri akan merancang sesuatu acara ataupun terbitan atau apa-apa jua bagi mengingati dan merakamkan jasa bakti Allahyarham pada negara dan PSM. Insyallah.

Dengan kehilangan Allahyarham Tan Sri Hj. Omar berlalu sudah satu era sejarah PSM sendiri seperti dahulu dengan kehilangan Allahyarham Tun Hj. Hamdan Sheikh Tahir juga terasa berakhirnya satu era PSM. Kini PSM sedang memasuki satu era baru. Sama-samalah kita menyumbang ke arah pembangunan, pemanjangan legasi-legasi Allahyarham Tun Hj. Hamdan dan Tan Sri Hj. Omar Mohd Hashim demi masa yang akan datang. Saya percaya ianya akan dapat dilaksanakan dan dicapai.

Saya berharap benar nama dan jasa Allahyarham Tan Sri Hj. Omar akan diabadikan melalui suatu rancangan oleh PSM sendiri yang saya percaya mungkin sudah dipikirkan dan saya hanya dapat berdoa agar roh Allahyarham dicucuri rahmat Allah s.w.t dan ditempatkan di kalangan orang-orang sollehin.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian, PSM telah wujud sejak negara Malaysia belum merdeka lagi. Dari satu pertubuhan yang sederhana tapi berjiwa besar sehingga memiliki bangunannya sendiri yang tersergam indah iaitu Wisma Sejarah yang kita berada sekarang yang menjadi salah satu mercu tanda terkenal di zaman Tun Razak dahulu. Sedikit pandangan ikhlas dari saya, bangunannya indah berjiwa besar tapi rasanya penampilan dan profil Persatuan Sejarah Malaysia masih lagi tidak begitu menonjol walaupun pelbagai program dan aktiviti sedang dan akan diusahakan oleh PSM seperti yang dihuraikan oleh Yang Berbahagia Dato' Hj Jumaat.

Ada pihak yang bertanya kepada saya, PSM ini masih wujudkah lagi? Apa program dan projeknya? Sungguhpun saya mengikuti pembangunan dan perkembangan PSM tapi ada juga liku-liku aktiviti yang saya kurang mengikuti dan saya berterima kasih kepada semua pihak yang hadir atas penjelasan dan makluman yang disampaikan oleh Dato Hj. Jumaat sebentar tadi.

Pada pendapat saya tidak salah kalau PSM tingkatkan sedikit profilnya bila kita fikirkan bersama cara-caranya umpamanya hebahan yang lebih besar mengenai program-program dan aktiviti yang PSM jalankan. Ada beberapa bidang pada saya ada kemungkinan penyumbangan aktiviti-aktiviti PSM selain daripada aktiviti-aktiviti yang begitu murni yang dibanggakan dan disebut oleh Yang Berbahagia Dato Hj. Jumaat. Umpamanya suatu isu yang selalu saya ditarik untuk memberi pandangan tentang tanggungan pendidikan sejarah di sekolah-sekolah. Ini suatu isu yang dari masa saya di Kementerian Pendidikan dahulu iaitu lebih 30 tahun dahulu sampai sekarang masih lagi nampaknya menjadi isu. Harap ianya diperbincangkan oleh para pendidik, ibu bapa dan masyarakat umum.

Saya tidak tahu yang Allahyarham Tan Sri Hj. Omar pernah dilibatkan dalam penyemakan semula sukatan mata pelajaran sejarah dan juga beberapa orang seperti yang Berbahagia Dato' Prof Ramlah Adam. Tetapi sehingga kini ia masih menjadi isu. Mungkin persatuan boleh berperanan dan memberi kesan kepada isu ini.

Menurut isu nilai murni pendidikan sejarah sediri, saya sendiri yang masih sedikit sebanyak terlibat dalam pendidikan di peringkat sekolah, pemahaman bagi kebanyakan anak-anak kita di sekolah, pendidikan sejarah ini kalau boleh mereka hendak ketepikan tidak mahu ikuti dan tidak berminat kerana cara pendidikan sejarah itu disampaikan dalam bilik darjah. Dari kacamata saya sendiri mempelajari sejarah mengkhususkan pendidikan saya di peringkat tinggi dalam bidang sejarah dan amat berminat dalam bidang ini dan say sedih apabila berjumpa dan mendengar kisah-kisah anak-anak kita samada di peringkat sekolah atau di peringkat lebih tinggi menyatakan mereka kurang minat atau tidak menunjukkan minat kepada bidang ini. Saya rasa masalah ini bukanlah tidak boleh diatasi. Jikalau boleh kita himpulkan kaedah-kaedah dan alat bantuan teknologi yang boleh digunakan dalam bidang sejarah. Ingin saya melihat penyertaan serta bimbingan yang dapat diberikan oleh Persatuan Sejarah Malaysia dengan bekerjasama dengan para pendidik sejarah di sekolah, universiti dan di luar sana bagi mencari penyelesaian bagi isu sepanjang zaman ini yang belum lagi dapat diatasi.

Dibayangkan sebentar tadi oleh Dato Hj. Jumaat tentang keperluan untuk diperbanyakkan lagi penyelidikan dalam bidang sejarah. Bukan sejarah di peringkat kebangsaan sahaja tapi sejarah di peringkat tempatan juga. Saya amat menyokong saranan oleh Yang Berbahagia Dato Hj. Jumaat tadi mengenai keperluan untuk kita meningkatkan lagi pengkajian sejarah tempatan dengan cara yang meluas dan mendalam lagi.

Kesedaran tentang pentingnya unsur-unsur sejarah tempatan ini sebenarnya tidak berapa ketara di kalangan kita orang di timur ini bukan sahaja di Malaysia dan di asia keseluruhannya. Saya rasa eloklah kita hidupan diri kita dan jadikan Malaysia melalui PSM terutamanya PSM di peringkat negeri, di peringkat tempatan untuk memperkenalkan, memperagung dan menghargai sejarah tempatan kita. Saya rasa eloklah saya berhenti disini, jadi dengan kata-kata itu dan lafaz bismillahhirrahmanirrahim saya merasmikan Mesyuarat Tahunan Majlis PSM Ke-64 bagi tahun 2019/2020.

Sekian.